

Digi Lancar Kemudahan WiFi Dengan Akses Internet Pantas Untuk Pengangkutan Awam – WiFi iFleet

teknoratz.com/digi-lancar-kemudahan-wifi-dengan-akses-internet-pantas-untuk-pengangkutan-awam-wifi-ifleet/

Azuan 2019-04-11 2:07 pm 2019-04-11

April 11, 2019



Digi kini telah melancarkan sambungan WiFi dengan akses Internet pantas berasaskan langganan yang diperkenalkan khusus untuk pengangkutan awam seperti syarikat bas, van, kereta api, dan juga pengangkutan darat yang lain.

WiFi iFleet yang merupakan produk pertama daripada Digi, kini telah diuji oleh syarikat Bas Kuching di Sarawak yang menawarkan perkhidmatan bas elektrik di negeri tersebut. Berdasarkan maklum balas daripada pengguna, inisiatif yang ditawarkan itu telah diterima baik kerana mampu menawarkan akses Internet yang cepat dan lancar kepada penumpang sepanjang perjalanan mereka.



Perkhidmatan WiFi percuma telah diuji pada Bas Kuching di Sarawak.

Selain menyediakan perkhidmatan WiFi dengan kos lebih rendah, syarikat pengangkutan awam yang melanggan WiFi iFleet turut memiliki akses untuk memaparkan mesej yang bersesuaian dengan jenama mereka di halaman utama WiFi. Bahkan pengendali juga boleh memaparkan iklan di halaman utama untuk menjana keuntungan daripada perkhidmatan yang ditawarkan.

WiFi iFleet menjanjikan sambungan yang stabil dan pantas melalui rangkaian 4G LTE daripada Digi, dan ia turut menawarkan sambungan melangkaui sempadan Singapura dan juga Thailand. Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran WiFi iFleet, sila layari <https://ifleet.my/ifleet-wifi>.